

# BAB

# KEEMPAT

## BAB IV

### KEUNIKAN BUDAYA TRADISI DALAM PERADABAN KONTEMPORARI

#### 4.1. PENGENALAN.

Keunikan budaya Jepun meliputi sebahagian aspek pemikiran atau “*Japanese thought*” yang sekaligus mempamerkan betapa masyarakat Jepun kaya dengan keutuhan nilai budaya mereka. Sekali imbas nilai kebudayaan dan seni Jepun sukar difahami terutama bagi masyarakat luar Jepun. Apatah lagi nilai keunikan budaya mencabar keintelektualan seseorang untuk menerima tanpa mempersoalkan budaya Jepun tersebut.

Charles Moore mencatatkan,

“The Japanese thought-and-culture tradition is probably  
*the most enigmatik and para doxical off major tradition,*  
*but-partly for that very reason-it represent more*  
*intellectual and cultural challenges, more unique*  
*and interesting suggestion, and more provocative reactions*  
*than any of the other great traditions of Asia”*<sup>90</sup>

---

<sup>90</sup> Charles A. Moore, ed. *The Japanese Mind: Essentials of Japanese Philosophy and Culture*, The University of Hawaii Press, Honolulu, 1967, hlm. 1.

## **4.2. MASAKAN JEPUN.**

Setiap hidangan dan masakan mana-mana juga bangsa didunia mempunyai ciri-ciri khusus yang melambangkan bangsa berkenaan. Bagi masyarakat Jepun, sejarah masakan dan hidangan mempunyai hubungan langsung dengan kebudayaan Jepun sendiri. Sekaligus melambangkan budaya Jepun dan mencernakan kepelbagaiannya dalam penyediaan masakan dan hidangan. Ini bukanlah sesuatu yang asing terhadap budaya. Budaya masakan Jepun tidak terlalu sukar untuk difahami.

Malah masakan Jepun menzahirkan nilai-nilai tradisi begitu hampir dengan alam semulajadi.<sup>91</sup> Dalam masakan tradisional Jepun dua unsur utama ialah “*delicate bonito stock (dashi) and soy sauce*”. Kedua-dua unsur ini merupakan keperluan utama, yang mencirikan keunikan masakan Jepun. Sekaligus menjadikan masakan bertambah enak sama ada masakan harian, makanan bermusim atau tidak.<sup>92</sup> Adunan kedua-dua unsur menjadikan masakan sama ada ikan, daging dan bijirin menjadi sedap.<sup>93</sup>

Kebiasaan maskan Jepun mementingkan bentuk penyediaan dan peralatan yang bersih dan kemas. Tukang masak akan memastikan agar pelanggan akan merasa yakin dengan masakannya. Ini akan memberi keyakinan kepada tukang masak untuk lebih menghayati masakan dan jualan yang bermutu tinggi.

<sup>91</sup> Shinzuo Tsuji, *Japanese Cookong A Simple Art*, Kodansha International Ltd., Tokyo, 1980, hlm. 19.

<sup>92</sup> Shinzuo Tsuji, *Practical Japanese Cooking, Easy and Elegant*, Kondasha International Ltd., Tokyo, 1986, hlm. 7.

<sup>93</sup> Ibid.

#### **4.2.1. KONSEP DAN CARA MASAKAN JEPUN.**

Masakan Jepun mempunyai konsepnya yang tersendiri. Terdapat beberapa tahap dalam menentukan konsep masakan Jepun. Tiap-tiap jenis maskan Jepun dibuat dengan resepi yang sesuai untuk menjamin mutu dan kualitinya. Sayuran istimewa yang relevan digunakan untuk menghiasi masakan seperti “*a carrot cherry blossom or a turmp chrysanthemum*”. Masakan yang telah disediakan akan disajikan dalam pinggan yang sederhana, kadangkala berlatarbelakang lorekan atau lukisan kecil yang cantik. Pinggan-pinggan dan menu tadi disusun dan diletakan di atas talam yang bersalut dengan varnis.

Juadah dan *setting* ini melambangkan kedamaian, keharmonian dan kesunyian.<sup>94</sup> Berbeza dengan masakan barat, secara relatifnya kita dapat lihat dengan jelas. Di barat orang akan menjamah makanan apabila terasa lapar dan untuk mengawal suhu badan. Makanan disediakandengan mengambil kira rasa.

---

<sup>94</sup> Lesley Downer dan Minor Yoneda, *Step By Step: Japanese Cooking*, The Apple Press, London, 1989, hlm. 8

pertumbuhan bilangan bank dan institusi-institusi kewangan seperti Bank Hypothec Jepun ( 1986 ), Bank Perindustrian Jepun ( 1900 ), Bank Taiwan ( 1899 ) dan lain-lain.<sup>33</sup>

Malah kemunculan Tokyo sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa serta kepentingan urusan bank Jepun diperingkat antarabangsa adalah satu langkah lagi dalam perkembangan ekonomi Jepun yang berterusan. Dari segi ini ia mewakili kontinum yang agak jelas daripada pertanian hingga ke perkilangan, daripada perkilangan ke perkhidmatan dan daripada perkhidmatan kepada maklumat dan pengetahuan .<sup>34</sup>

Sejak Perang Dunia Kedua, firma-firma Jepun adalah antara firma-firma yang paling berjaya dari segi inovasi. Di peringkat awal, walaupun produk baru atau komponen tertentu telah direka di negara lain. Firma-firma Jepun sering menjadi peneraju di dalam mengkormesialisasikan produk-produk baru. Apa yang dilakukan oleh firma-firma Jepun ini adalah mulanya meminjam, mengubahsuai dan seterusnya mengkormesialisasikan teknologi asing ini kepada inovasi asli mereka. Kini Jepun adalah technological leader di dalam pengeluaran berbagai produk seperti optik gentian, semiconductor, bahan-bahan komposit, peralatan-peralatan mesin serta keperluan komputer dan sebagainya.

Jika dilihat pada peranan kerajaan dalam pembangunan teknologi di Jepun ini boleh dilihat dalam dua fasa iaitu fasa catch-up atau peringkat mengimport teknologi dan fasa inovasi-sendiri ( self-innovation ) atau peringkat technological frontier. Di fasa

---

<sup>33</sup> M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, hlm.109.

<sup>34</sup> Charles J. MC Millan ( Terj.Nazlifa Md Ali ), *Perindustrian Jepun*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm.381.

### **b) Grilled Matsutake Mushrooms.**

Menu ini dikenali dalam masyarakat Jepun sebagai Yaki Matsutake, yang berkait rapat dengan hidangan Musim Luruh “Autumn”. Ia merupakan hidangan istimewa dalam kuil di Jepun. Cendawan *Matsutake* boleh ditemui dilereng-lereng bukit atau tanah tinggi dan ia dilihat sebagai mempersilakan seseorang putera raja. Cendawan ini didapati dalam bentuk simbolik sebagai mewakili sebuah bukit yang memiliki air terjun. Namun hari ini, kuil tidak lagi bergantung kepada keistimewaan cendawan *Matsutake*. Tetapi semangat cendawan ini masih hidup dan ia dijadikan sebagai sebahagian daripada menu di kuil tradisi.

Bahan dan cara penyediaan.

1 unit besar cendawan *Matsutake*

2 sudu sos soya

2 sudu yuzu “*citron*” atau perasa limau.

Potong sebahagian *matsutake* secara memanjang. Panggang atau salai cendawan tersebut di atas dapur arang atau dapur gas selama lima minit. Apabila sudah panas siatkan atau ceraikan cendawan dengan cari kepada lapan cebisan. Kemudian campurkan perasa limau dan sos. Sendukan menu ini dan boleh dihidangkan serta merta. *Yaki*

---

<sup>95</sup> Soei Yoneda, *Good From a Japanese Temple*, Kondasha International Ltd., Tokyo, 1982, hlm. 93.

*matsutake* bukan semata-mata hidangan biasa malah konotasinya jauh kepada keunggulan nilai bukit dan air terjun.<sup>96</sup>

Hidangan lain yang menarik perhatian dalam masakan Jepun ialah *Shojin*<sup>97</sup>. Masakan *Shojin* merupakan masakan untuk mereka yang hanya memakan sayur-sayuran atau *vegetarian*. Masakan ini dibawa masuk melalui doktrin Zen Budhisme terutama dalam kuil Buddha. Konsep ini ialah kesihatan, kekeringan, keikhlasan dan mendoakan kebahagiaan kepada tukang masak dan mereka yang menjamah hidangan ini. Inilah keistimewaan shojin cooking atau masakan shojin. Salah satu jenis masakan Jepun yang terkenal di negara luar ialah *kaisek cookery*. Masakan ini adalah ilham dari saripati ‘*the tea ceremony*’. Namun kaiseki pada asalnya merupakan satu elemen dari konsep ‘*the way of tea*’ dalam doktrin kepercayaan Buddhisme. Ia membawa maksud ‘*sumbangan kepada perkembangan kerohanian*’. Inilah antara lain mencatatkan betapa ‘*Japanese meals*’ bukan sekadar hidangan untuk mengisi nafsu makan, malah lebih jauh ia merupakan cetusan kerohanian kepada masyarakat Jepun sendiri.

Hidangan sup atau *Japanese soup* amat popular bukan sahaja sekarang malah sejak berabad yang lalu. Di Jepun, sup biasanya dimasukkan dalam jag atau teapot dan dipanaskan selama lima minit. Sup ini dihidangkan di dalam pot, dimasukkan ke dalam mangkuk kecil, dimasukkan sedikit perasa limau dan diminum perlahan-lahan. Sup yang masih berada di dalam pot yang mengandungi semua ramuan sup akan menjadikannya

---

<sup>96</sup> Ibid, hlm. 137-138

<sup>97</sup> Masakan shojin juga meliputi sebahagian tumbuhan laut. Perkataan *shojin* melambangkan *spirit and to progress*, yang menjurus kepada maksud kecergasan atau ketelitian dalam usaha mencapai kebahagiaan.

lebih sedap dan menyelerakan. Udang, cendawan dan binian boleh dimakan daripada pot berkenaan dengan menggunakan garpu.<sup>98</sup> Hidangan *soup pot* ini mengembalikan peranan dan fungsi masakan Jepun yang mementingkan etika dan disiplin yang unik dan teratur. Hidangan sushi juga seringkali dikaitkan dengan masakan ala Jepun yang menarik dan menyelerakan. Antara bahan utama hidangan *sushi* termasuklah salmon mentah, belud panggang, itik panggang, tauhu asperagus, telur dan mangga. Bahan-bahan lain termasuklah ikan mentah, daging cendawan, ayam dan mayonis, jeruk lobak putih dan buah *avocado*. Selain sushi hidangan lain yang digemari ialah *tempura*, *sashimi*, *teppanyaki* dan *sukiyaki*.<sup>99</sup>

Masakan Jepun kontemporari bolehlah dibahagikan kepada makanan asasi atau *staples foods* dan hidangan sampingan atau *side dishes*. Nasi merupakan hidangan utama, termasuk masakan nasi iaitu *meshi* atau *gohan* tergolong dalam ‘meal’. Selain itu ialah barli, bijirrin, mi, roti dan tomato juga dimasak bersama nasi membentuk *staple food*. Manakala makanan bermusi sampingan atau *okuzu* termasuklah sayuran, ikan, dan daging yang biasanya duhidangkan bersama *sake*<sup>100</sup> dan minuman lain yang dipanggil *sakana* (sebutan untuk masakan ikan juga dipanggil *sakana*)<sup>101</sup>. Keunikan masakan Jepun ialah kepelbagaiannya teknik penyediaannya disamping unsur dalaman yang menimbulkan

---

Dalam ertkata lain *shojin cooking* merupakan disiplin untuk meningkatkan latihan dan amalan kepercayaan Buddha melalui elemen makanan.

<sup>98</sup> Christian Teubner dan Annette Wolter, *The Best of International Cooking*, The Hamlyn Publishing Group Ltd., London, 1984, hlm. 208

<sup>99</sup> ‘Sushi Citarasa Malaysia’, Berita Minggu, 11 Julai, 1999.

<sup>100</sup> *Sake* ialah minuman beralkohol bagi masyarakat Jepun. Ia dihidangkan semasa jamuan makan. Upacara menukar gelas *sake* biasanya dilakukan untuk merestu upacara perkahwinan. Minuman ini diminum dalam acara keagamaan *shinto* dihadapan kuil. *Sake* diperbuat daripada buih atau didihan nasi. *Sake* dihidangkan dalam botol berleher kecil seperti yang terdapat dalam makmal. Ia diminum dengan menggunakan cawan seramik. Lihat juga Lesley Downer dan Minoru Yoneda, op.cit., hlm. 50-51

<sup>101</sup> Lihat Kodansha *Encyclopedia of Japan*, Kodansha Ltd., Tokyo, 1983, Vol. 2, hlm. 306

ketenangan, keharmonian, keinsafan dan kasih sayang. Ini berbeza sekali dengan sesetengah masakan barat yang hanya mementingkan nafsu makan semata-mata. Justeru hidangan Jepun akan menjadikan penghayatan kepada makanan untuk membentuk peribadi ‘Jepun’ yang unik yang tersendiri dan yang beradab.

#### **4.2.2 Amalan Pemakanan ( Diet )**

Masyarakat Jepun dari sudut globalisasi merupakan sebuah masyarakat yang mementingkan pengamalan makanan yang seimbang. Ini adalah kerana mereka mementingkan diet dalam kehidupan seharian mereka. Orang Jepun biasanya makan tiga kali sehari iaitu terdiri daripada sarapan pagi, makan tengah hari biasanya hidangan ringan dan makan malam dianggap hidangan yang paling banyak yang terdiri daripada pelbagai jenis makanan dan merupakan makanan yang paling penting.<sup>13</sup> Berbanding dengan negara Barat dimana urusan perniagaannya biasanya dibincangkan semasa makan malam dan bukan semasa makan tengah hari.

Nasi telah menjadi makanan asasi orang Jepun sejak dahulu lagi dan bahan makanan lain masih menduduki tempat kedua. Ini kerana padi merupakan perusahaan utama Jepun yang tradisional dan sangat bergantung kepada kerjasama orang Jepun maka dengan itu beras menjadi makanan terpenting.<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> Gen Itasaka (terj.Nazlifa Md Ali), *Pintu Masuk Ke Jepun: Penduduk Dan Masyarakatnya*, hlm.186.

<sup>14</sup> Yususuke Murakami, Jepun Dalam Komuniti Sejagat, Peranan Dan Sumbangan Pada Abad Ke-21, hlm.22.

Beras Jepun ialah jenis yang pendek dinamakan *Japonica* berbeza daripada jenis *Indica* yang panjang. Roti, spafeti dan makanan barat lain telah menjadi popular akhir-akhir ini tetapi kebanyakan orang Jepun masih menganggap nasi sebagai bahagian yang penting dalam diet mereka. Manakala, makanan subsidiari yang utama ialah makanan laut dan sayur-sayuran tetapi daging banyak dimakan akhir-akhir ini.

Istilah “*here*” membawa konotasi khas, formal atau umum dan meraikan tetamu di Jepun termasuk dalam kategori ini iaitu dianggap acara formal dan umum, bukan acara yang tidak formal dan tertutup (*ke*). Ini adalah kerana orang Jepun biasanya tidak menjemput tetamu ke rumah mereka untuk menikmati hidangan tetapi lebih suka membawa mereka ke restoran atau rumah penginapan tradisional Jepun dan membelanja mereka makan di luar. Walaupun kebanyakan rumah memang mempunyai sebuah bilik khas untuk menyambut tetamu dan tidak seperti bilik duduk, ia tidak digunakan oleh keluarga setiap hari. Walaubagaimanapun, tetamu hanya dihidangkan dengan teh dan kuih-muih dan jamuan yang lengkap tidak dihidangkan.

Minuman keras pula biasanya diminum sebagai pembuka selera dan minuman disimpan apabila nasi dihidangkan. Orang Jepun juga mempunyai perbezaan untuk makan biasa dan makan dalam upacara khas. Disebabkan oleh tingkat purata pengambilan khasiat yang tinggi, keobesen menjadi suatu masalah sosial dan pengumpulan kolestrol yang berlebihan telah menjadikan purata penyakit seperti kencing manis, penyakit jantung dan tekanan darah tinggi meningkat. Namun, apa yang jelas

dalam signifikasi Jepun terhadap amalan pemakanan diet ini telah menjadikan Jepun sebagai model utama dalam makanan asasi iaitu beras.

#### *4.3. PERAYAAN TRADISI MASYARAKAT JEPUN*

Jepun merupakan sebuah negara yang berempat musim serta penuhi perayaan yang unik dalam musim-musim yang berbeza.

Perayaan yang unik serta penuhi kebahagian ini telah mewujudkan satu masyarakat Jepun yang penuhi suasana harmoni dan tenteram. Berikut merupakan hari-hari perayaan tradisi yang biasanya diamalkan oleh masyarakat Jepun sejak zaman dahulu hingga sekarang.

##### **a. Hari Perayaan Tahun Baru (1<sup>st</sup> Januari)**

Juga dikenali sebagai O-shoogatsu kepada masyarakat jepun.<sup>15</sup> Ia merupakan hari yang paling penting dalam satu permulaan tahun yang baru. Pada hari tersebut, ahli-ahli keluarga akan berkumpul dan meminum sejenis arak (*sakai*) untuk memastikan kehidupan yan kekal pada masa datang. Selain itu, sup yang bersama kuih yang likat (*ozoni* dan *osechi-ryoori*) akan dihidangkan dengan memberi maksud megelapkan segala ingatan yang buruk pada tahun lalu. Kanak-kanak akan diberi sampul yang berwang (*otoshidama*) daripada ibubapa mereka. Perhiasan akan dibuat di depan rumah dengan penuhi straw yang berwarna-warni yang menghalang segala keburukan masuk ke dalam

---

<sup>15</sup> Moto Akasaka Bldg, *The Japan of Today*, The information Society fir Educational Information, INC. Tokyo, Japan, hlm. 116.

rumah. Penyembahan di tempat beribadat (*tori*) untuk meminta nasib baik dalam tahun yang akan datang. Pada zaman moden ini, ramai kanak-kanak meluangkan masa dalam permainan elektronik semasa perayaan dijalankan, tetapi sesetengah permainana tradisional seperti laying laying berwarna-warni, gasing, bulu tangkis, patung gustian kertas juga popular dalam perayaan tersebut.

Semasa perayaan ini dijalankan, kebanyakan syarikat dan jabatan kerajaan diberi cuti selama tiga hari.

#### **b. Hari Orang Dewasa (15<sup>th</sup> Januari)**

Hari perayaan ini dilaksanakan selepas peperangan dunia II demi menganugerahkan pemuda-pemudi yang mencapai umur 20 sebagai ahli baru yang menceburkan diri dalam kehidupan masyarakat. Mereka diberi hak warganegara sepenuhnya seperti dalam hak pengundian dan diberi nasihat bersedia memikul tanggungjawab dalam pembentukan masyarakat. Dikenali sebagai *Seiji no hi* dalam masyarakat Jepun. Upacara anugerah diadakan di merata tempat dalam negara Jepun. Wanita akan memakai pakaian ‘*Kimono*’ dalam perayaan ini.<sup>16</sup>

### c. *Setsubun* (3<sup>rd</sup> Februari)

Perayaan ini biasanya dirayakan sebelum hari permulaan musim bunga datang. Namun, pada zaman moden ini ia telah ditentukan hari yang tetap, iaitu pada 3<sup>rd</sup> ataupun 4<sup>th</sup> dalam bulan Februari. Cara tradisional untuk merayakan perayaan ini adalah mencampak biji kacang di merata kawasan rumah bertujuan menghalau segala roh-roh jahat dari rumah. Kepercayaan bahawa jika seseorang makan biji kacang mengikut usia dia sendiri akan mendatangkan kesihatan sepanjang tahun itu.

### d. Perayaan Patung (3<sup>rd</sup> Mac)

Merupakan satu hari perayaan kepada keluarga yang mempunyai anak perempuan. Anak-anak perempuan akan diberi satu set patung memainkan watak perempuan yang berpakaian zaman lampau yang mewakili keunggulan maharaja zaman lampau. Mereka juga akan meraikan perayaan ini dengan minum sejenis arak (*sakai putih*) yang berasa manis.<sup>17</sup> Patung-patung akan dihiaskan selama satu seminggu dan disimpan semula untuk tahun hadapan. Kenalan sebagai *Hina-matsuri* dalam kalangan orang Jepun.

---

<sup>16</sup> *Ibid.* hlm. 118.

<sup>17</sup> Moto Akasaka Bldg, *The Japan of Today*, The information Society fir Educational Information, INC

#### e. Perayaan Menikmati Bunga Sakura (April)

Dikenali sebagai *Hanami* yang membawa maksud menikmati bunga. Ia merupakan satu perayaan dengan menikmati kecantikan bunga sakura. Media masa akan menyiarakan masa-masa bagi menikmati bunga sakura kembang. Orang ramai akan membawa pelbagai makanaan dan sakai untuk menikmati perkembangan bunga sakura di merata tempat yang penuh kecantikan di bawah pokok bunga sakura. *Yozakura* yang merupakan bunga sakura putih mendatangkan kecantikan yang istimewa pada waktu malam. Orang ramai akan meraikan perayaan ini hingga waktu malam dengan menyanyi dan menari.

#### f. Hari Kanak-kanak (5<sup>th</sup> Mei)

Merupakan hari perayaan yang sama dengan negara China. Perayaan ini hanya ditujukan kepada anak lelaki sahaja. Keluarga yang mempunyai anak lelaki akan meraikannya dengan menaikkan bendera yang berbentuk ikan kaloi yang berwarna (*koinobori*) di luar rumah mereka.<sup>18</sup> Ini mewakili kekuatan dan keberanian seseorang anak lelaki. Selain itu, patung samurai yang berperisai juga dihiaskan. Hari perayaan ini juga dikenalkan sebagai *Kodomo ni Hi* dan *Tango no sekku*.

**g. Perayaan *Tanaba* (7<sup>th</sup> Julai)**

Menurut kepada lagenda Jepun, hari perayaan ini adalah mengenai cinta antara dua pasangan, bintang Vega dan bintang Altair yang akan bertemu di bima sakti. Pada hari tersebut, kanak-kanak akan menulis harapan mereka dan bergantung di atas pokok buluh yang penuh hiasan dengan kertas yang berwarna-warni (*origami*).

**h. Perayaan *O-Bon* (13<sup>th</sup> – 15<sup>th</sup> Ogos)**

Merupakan satu perayaan yang disediakan kepada mereka yang sudah meninggal dunia. Menurut agama Buddha, roh-roh mereka akan kembali ke dunia nyata pada masa tersebut. Untuk menunjuk jalan kembali kepada rumah masing-masing, kuda yang dibuat oleh sayur-sayuran musim panas akan disediakan.<sup>19</sup> Setiap rumah akan menyalakan tanglung sebagai tanda bagi roh-roh nenek moyang mereka. Pada 16<sup>th</sup>, tanglung dinyalakan demi menghantar balik roh-roh semula ke dunia akirat. Sesetengah keluarga menghantar secara meletakkan tanglung kertas di sungai.

**i. *Tsukimi* (pertengahan bulan September)**

Musim luruh telah sampai pada masa itu dan memberi pandangan bulan yang cantik dan jelas. Orang ramai akan menyediakan makanan adunan bebola yang menyerupai bentuk bulan, buah berangan dan sebagainya.

---

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 119.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 119.

Orang Jepun mempercayai bahawa mereka boleh melihat arnab yang sedang membuat kek nasi di atas bulan. Selain itu, masyarakat Jepun juga mengadakan hari penghormatan kepada Orang Tua (*Keiroo no hi*) pada 15<sup>th</sup> September. Orang ramai akan melawat ibubapa atau pun datuk nenek mereka pada hari tersebut. Pada 15<sup>th</sup> November pula, perayaaan “Tujuh, lima dan tiga” akan diraikan dimana ramai ibubapa akan melawat ke tempat beristiadat bagi meminta kesihatan yang baik bagi anak-anak mereka.

Masyarakat Jepun mempunyai corak tradisi yang lama dalam mengadakan pesta-pesta tertentu demi melakukan penyembahan dan berkomunikasi terhadap dewa-dewa tertentu. Kebanyakkan pesta ini diraikan secara perarakan yang mewah. Dua pesta yang utama diraikan oleh masyarakat Jepun adalah pesta pertanian dan pesta musim panas.

Sejak Zaman Yayoi (300s.m-300m), pertanian merupakan produk makanan utama di Jepun. Dengan demikian, agama Shinto telah menetapkan konsep utama bahawa penyembahan yang dibuat pada hari perayaan Tahun baru adalah bertujuan memastikan hasil pertanian adalah terjamin sepanjang tahun.<sup>20</sup>

Maka, banyak pesta-pesta pertanian diadakan. Pesta ini adalah penuhi tarian yang bercorak menyemai benih, gadis , muzik yang memberi galakan dalam penyediaan tanaman baru dan sebagainya. Selain itu, pesta pertanian yang diadakan pada musim luruh mempunyai adat di mana hasil pertama akan dihidangkan kepada dewa-dewa.

---

<sup>20</sup> Ian Reader, Esben Andersen dan Finn Stefansson, *Japanese Religions – Past and Present*, Japan Library, 1993, hlm. 65.

Sebaliknya, terdapat banyak pesta diraikan dalam musim panas demi perlindungan jauh dari kejahatan. Dua pesta utama diadakan dalam negara Jepun dalam musim panas, iaitu pesta *Gion* yang diadakan di Kyoto, Tenjin di Osaka. Selain itu, pesta musim panas yang terbesar diadakan di masyarakat Jepun adalah pesta Nabuta di Aomari pada bulan awal Ogos. Manakala pesta *Okunichi* yang diadakan di Nagasaki pula terkenal dengan tarian naga yang berasal dari negara China.

Tidak kira samada sukan tradisi atau moden, masyarakat Jepun sentiasa bergiat dalam kedua-dua sukan itu. Di antara sukan-sukan tradisi yang popular dan masih digemari oleh orang ramai sehingga hari ini adalah sumo, judo, kendo dan kyudo.<sup>21</sup> Media massa senantiasa memaparkan berita-berita mengenai sumo. Ia merupakan sejenis sukan gusti tradisional masyarakat Jepun. Asal-usul sumo tidak boleh ditentukan lagi tetapi dipercayai mempunyai sejarah yang lebih daripada 2,000 tahun.

Sumo merupakan sejenis sukan yang rasmi tetapi agak dramastik di kalangan orang ramai. Sukan ini amat digilakan oleh masyarakat Jepun dari zaman dahulu sehingga zaman moden ini. Enam pertandingan sumo akan dijalankan selama 15 hari setiap tahun di Tokyo serta bandar-bandar lain di Jepun. Gustian-gustian sumo mahir akan menghabiskan masa setiap tahun melawat ke merata tempat Jepun mahupun pertandingan atau persembahan. Judo, merupakan sejenis sukan yang diperkembangkan dari sejenis seni pertahanan lama yang dikenali sebagai jujutsu. Judo bukan sahaja popular dalam kalangan masyarakat Jepun tetapi juga mempunyai kedudukan yang penting dalam bidang sukan sedunia.

Ia telah digolongkan sebagai salah satu acara sukan Olimpik sejak 1964 di Tokyo. Pertandingan Juara antarabangsa sentiasa diadakan di merata dunia pada setiap tahun. Di Jepun, pertandingan Judo tahunan amat menarik ramai peminat dari merata dunia demi menikmatinya.

Di samping itu, juga terwujud sukan tradisi yang popular dalam kalangan sekolah, iaitu kendo. Sukan ini juga amat popular dalam kalangan masyarakat dan menjadi pertandingan yang hebat di seluruh Jepun setiap tahun.

#### *4.5. ASPEK EKONOMI*

Asia Pasifik, khususnya wilayah Asia Timur adalah sebuah wilayah yang luarbiasa dalam beberapa aspek, jika dibandingkan dengan rantau-rantau lain di dunia. Rantau ini bukan sahaja diwarnai oleh penduduk daripada pelbagai etnik, bangsa, agama dan amalan budaya tetapi juga secara relatifnya berada dalam keadaan aman dan stabil. Jepun merupakan satu-satunya negara Asia yang dianggap setaraf dengan negara maju di Eropah Barat dan Amerika. Sejarah telah membuktikan yang negara ini mampu menjadi sebuah kuasa yang kuat. Usahanya bagi menjadi kuasa hegemoni di Asia hancur apabila mengalami kekalahan dalam Perang Dunia Kedua pada tahun 1945. Selepas perang, Jepun telah memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi. Dan beberapa dekad selepas berakhirnya perang, Jepun telah muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi dunia. Pada tahun 1980an Jepun adalah kuasa ekonomi kedua terbesar selepas Amerika Syarikat

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 84.

tetapi mempunyai kedudukan yang lemah dan peranan yang kecil dari segi politik dan ketenteraan dunia.<sup>22</sup>

Penumpuan kepada aspek ekonomi yang dilakukan oleh Jepun seperti yang digariskan dalam Doktrin Yoshida adalah satu yang wajar kerana Jepun mengalami masalah ekonomi yang serius selepas perang. Keruntuhan dan kemasuhan ekonomi yang dialami oleh Jepun akan membawa kepada keruntuhan negara jika tidak diatasi dan diambil langkah segera. Pihak Amerika Syarikat pula bertindak rasional dengan mengadakan perjanjian pertahanan dengan Jepun pada tahun 1951 bagi menjaga kepentingan politiknya di Asia Timur. Sekiranya aspek pertahanan tidak berada dibawah kawalannya dikhawatirkan akan membuka ruang kepada musuh-musuh iaitu Soviet / Rusia dan China meluaskan pengaruhnya ke Jepun. Kedudukan ekonominya yang kukuh dan mantap, Amerika mampu membangunkan ekonomi Jepun dan juga mampu mengawal serta membendung perluasan pengaruh komunis ke Jepun. Sekiranya ini tidak dilakukan kemungkinan pengaruh komunis akan bertambah meluas di Jepun melalui sokongan rakyat terhadap parti komunis Jepun.<sup>23</sup>

Wilayah Asia Pasifik juga dikenali dengan “Japan Centered” kerana kedudukan hubungan perdagangan yang begitu rapat dengan Jepun. Eksport negara Jepun ke negara-negara Asia Pasifik adalah lebih besar jumlahnya berbanding dengan eksport Amerika Syarikat ke wilayah Asia Pasifik. Hubungan perdagangan yang berlaku di antara negara Jepun – Amerika Syarikat. Negara-negara NICS Asia adalah satu faktor penting dalam menentukan ekonomi dunia. Dalam hubungan perdagangan ini, Jepun mempunyai banyak kelebihan dan keuntungan. Pada umumnya, Jepun mendapat lebihan dagangan

---

<sup>22</sup> Mohd Noor Yazid, *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, hlm.69.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 71.

( Trade Surplus) dalam hubungan perdagangan dengan Amerika Syarikat dan juga negara-negara NISC Asia.

Manakala dalam hubungan perdagangan dengan negara-negara ASEAN, pada asalnya Jepun mengimport bahan mentah dari negara ASEAN dan mengeksport barang-barang kilang ke negara ASEAN. Antara eksport pula ialah kereta, kapal, jentera elektrik perindustrian , televisyen, radio, perakam video, semikonduktor, kamera, jam tangan dan keluaran perindustrian lain. Walau bagaimanapun, sejak akhir tahun 1980an dan awal tahun 1990an Jepun juga telah mengimport barang-barang siap dari negara-negara ASEAN. Hampir 70 % daripada import jepun pada masa sekarang terdiri daripada bahan makanan, bahan mentah, bahan api dan barang siap membentuk tidak lebih daripada 30 %, sebagai perkadaran daripada jumlah import, amanu barang siap yang diimport kira-kira separuh daripada amanu untuk Eropah atau Amerika Syarikat.

Walaupun perkara ini mencerminkan kurangnya sumber asli di Jepun, ia bermakna bahawa terdapat lebihan dagangan yang sangat banyak setiap tahun, dolar yang diperolehi dengan cara ini diberi pinjam kepada pihak di luar negeri dan Jepun kini telah menjadi negara pemberi hutang yang terbesar di dunia. Disebabkan oleh perkara ini, Jepun perlu merangsang permintaan dalam negeri dan memberi sumbangan kepada ekonomi dunia. Sekarang ekonomi boleh diubah menjadi ekonomi yang menggalakkan perbelanjaan peribadi, pelaburan perumahan dan bentuk lain permintaan dalam negeri.<sup>24</sup>

---

<sup>24</sup> Gen Itasaka (Terj.Nazlifa Md Ali ), *Pintu Masuk ke Jepun : Penduduk dan Masyarakatnya*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995,hlm.147.

Jepun ialah negara kecil yang mempunyai sedikit sahaja sumber semulajadi. Oleh itu Jepun perlu bergantung kepada import untuk kebanyakkan bahan mentah utamanya. Oleh sebab sebahagian besar daripada keluasan tanah negara ini terdiri daripada gunung ganang, gunung berapi dan bukit bukau, tanah yang ada untuk pembinaan hanya 51 % daripada yang ada di Jerman Barat, 24 % daripada di Perancis dan 2 % daripada di Amerika Syarikat. Disebabkan perkara ini, perkadaran keluaran negara kasar yang disumbangkan oleh industri peringkat pertama seperti perladangan, perhutanan dan perikanan adalah rendah dan industri berat serta kimia yang berasaskan logam, jentera dan kimia telah menjadi sangat maju, menggantikan industri ringan sebelum ini yang berpusat pada tekstil.

Industri peringkat ketiga seperti industri pengedaran, maklumat dan perkhidmatan telah berkembang sehingga kini menjelaskan hampir 60 % daripada keluaran negara kasar. Pengeluaran kenderaan bermotor dan barang-barang elektrik telah menunjukkan pertumbuhan paling besar dan komoditi ini telah memainkan peranan yang besar dalam pertumbuhan ekonomi Jepun yang berasaskan eksport. Keluaran seperti kamera, cip komputer yang memuatkan sangat banyak teknologi ke dalam pakej yang sangat kecil dan ringan, juga telah menjadi ciri tersendiri ekonominya. Perbezaan yang jelas antara Jepun dengan negara perindustrian lain diwujudkan oleh perkara dalam perlombagaan yang menolak peperangan. Ini bermakna bahawa industri semulajadi Jepun merupakan bahagian yang sangat kecil dalam keluaran negara kasar dan bahan untuk peperangan tidak langsung dieksport.<sup>25</sup>

Sebagai anggaran peratusan daripada pengeluaran dunia, output keluli mentah yang berjumlah 14 %, output kenderaan berjumlah 27 %, output kapal dagang berjumlah 49 % dan output gentian kimia berjumlah 11 %. Pada tahun 1986, keluaran negara kasarnya ialah yang kedua paling banyak selepas Amerika Syarikat iaitu RM 1.96 trilion ( Amerika Syarikat ), manakala pendapatan negara perkapita ialah RM 14039.<sup>26</sup> Jika ditinjau dari segi pelaburan Jepun pula didapati terdapat dua peringkat utama pelaburan Jepun yang dilaksanakan di negara-negara Asia. Pada peringkat pertama ialah sejak akhir tahun 1960an sehingga pertengahan tahun 1980an. Manakala peringkat kedua pula adalah dari masa pertengahan tahun 1980an sehingga kini. Dilihat pada tahun 1976, didapati lebih daripada 75 % daripada pelaburan asing yang baru di rantau Asia Pasifik adalah dari Jepun. Ternyata peratusan pelaburan ini adalah lebih tinggi daripada peratusan pelaburan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat.

Manakala sebahagian besar pelaburan Jepun adalah di negara-negara NICS (Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong ) dan juga di negara-negara ASEAN. Pelaburan utama Jepun adalah dalam bidang pengeluaran kilang, petroleum, galian dan juga pemprosesan bahan-bahan mentah. Selepas pertengahan tahun 1980an para pelabur Jepun melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perkhidmatan seperti perkhidmatan bank, kewangan dan saham.

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm.120

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm.121.

Sememangnya sejak akhir tahun-tahun 1970an, kita dapatiti bahawa Jepun telah menjadi negara yang penting dalam menyediakan bantuan asing. Malah pada tahun 1990an Jepun dianggap sebagai negara terbesar yang menyediakan bantuan asing. Tumpuan utama bantuan luar Jepun disalurkan kepada negara-negara ASEAN dan juga negeri China. Bantuan luar Jepun dinyatakan dalam nisbah 7:1:1:1. Di mana tujuh diperuntukkan kepada negara-negara Asia yang separuh daripadanya diperuntukkan kepada negara ASEAN dan ‘satu’ masing-masing kepada Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah. Tumpuan utama bantuan luar Jepun adalah berupa pinjaman kepada hubungannya dengan promosi eksport Jepun, menyediakan bekalan bahan mentah yang mencukupi dan kerajaan bagi meningkatkan prasarana sosio-ekonomi. Ini adalah bagi mengukuhkan pengaruh politik pihak berkuasa sesebuah negara.<sup>27</sup>

Jepun telah berjaya menjadi sebuah kuasa Asia yang kuat serta berjaya menarik perdagangan luar, pelaburan dan politik Asia. Walaupun begitu banyak sekatan yang menyebabkan Jepun tidak menjadi sebuah kuasa politik dan tentera yang kuat. Sehingga akhir tahun 1990an Jepun hanya menjadi sebuah kuasa ekonomi dunia, tetapi sangat lemah dalam aspek politik dan ketenteraan.<sup>28</sup>

Sememangnya Jepun diakui sebagai sebuah kuasa Asia yang luarbiasa sifatnya daripada negara-negara Asia yang lain. Keadaan dan peranan yang luarbiasa ini dapat dilihat dengan jelas dari sejak pertengahan abad ke 19 lagi. Pada masa itu, negara-negara lain telah dijajah sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh kuasa-kuasa barat. Malah dalam masa yang begitu singkat Jepun dapat meletakkan dirinya setanding dan memainkan peranan yang setaraf dengan negara-negara core barat. Ini dapat kita lihat apabila Jepun telah menguasai beberapa buah tanah jajahan dengan termetrinya Perjanjian Shimonoseki pada tahun 1895, setelah berjaya mengalahkan negeri China dalam Perang Jepun telah menandatangani Perjanjian Portsmouth yang juga membawa beberapa keuntungan kepada pihak Jepun.

Penguasaan ke atas Korea pada tahun 1910 mengukuhkan kedudukan ekonomi serta peranannya dan kedudukan Jepun dalam politik antarabangsa. Perang Dunia

---

<sup>27</sup> Mohd Noor Yazid, *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*, hlm. 72.

<sup>28</sup> *Ibid.*, hlm.73.

Pertama yang juga membawa keuntungan kepada Jepun telah berjaya mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai salah sebuah negara core dan kuasa besar dunia.

Pada tahun 1920an tekanan-tekanan dikenakan ke atas Jepun menyebabkan Jepun menggunakan kekuatan untuk bangkit mencabar kuasa barat dengan menandatangani Perjanjian kerjasama dengan Jerman dan Itali, pengguguran bom atom di Hiroshima dan Nagasaki telah menyebabkan Jepun terpaksa mengaku kalah pada september 1945 dan menamatkan rancangan membentuk ‘ Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya .’

Ekoran daripada kekalahan dalam Perang Dunia kedua, pihak Amerika Syarikat telah mengetatkan kawalan dan mengenakan peraturan jangka panjang yang lebih terjamin agar Jepun tidak lagi mampu bangkit sebagai sebuah kuasa politik dan ketenteraan dunia yang kuat pada masa depan. Ini jelas terkandung dalam perlembagaan Mei 1947 yang menyebabkan Jepun sehingga sekarang berjaya disekat daripada bangkit semula sebagai sebuah kuasa besar politik dan tentera.

Melalui Doktrin Yoshida dan pimpinan beberapa pemimpin akhirnya negara Jepun telah menumpukan sepenuh tenaga kepada pembangunan ekonomi dan menyerahkan soal keselamatan dan ketenteraan kepada Amerika Syarikat. Jepun telah pulih semula daripada kelumpuhan ekonomi selepas perang bahkan lebih daripada itu, berjaya menguasai ekonomi dunia. Hingga tahun 1980an Jepun telah muncul sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat.<sup>29</sup>

---

<sup>29</sup> *Ibid.*, hlm. 114.

Percaturan kuasa dalam era Perang Dingin dan perlindungan pengaruh Amerika Syarikat sebagai kuasa besar dunia membawa keuntungan kepada ekonomi Jepun. Tahun 1990an telah mengubah percaturan kuasa politik dunia apabila musuh utama Amerika, iaitu Soviet Union tumbang dan membawa kepada berakhirnya Perang Dingin. Ketika itu negara Jepun telah kukuh kedudukan ekonominya, manakala kedudukan ekonomi Amerika Syarikat dalam beberapa aspek menunjukkan tanda-tanda awal kelemahannya. Berakhirnya Perang Dingin menyebabkan keperluan keselamatan dan ancaman pengaruh komunis menjadi reda. Hubungan Jepun dengan Rusia bertambah baik dan terjalin semula hubungan diplomatik. Hubungan Jepun dengan China juga bertambah baik walaupun masih ada beberapa masalah yang belum selesai berkaitan dengan krisis di Semenanjung Korea dan hubungan sejarah silam Jepun-China.<sup>30</sup>

Mulai pertengahan tahun 1997, krisis kemelesetan ekonomi melanda Asia. Bermula dengan Thailand pada Julai 1997 krisis tersebut telah merebak hampir keseluruhan negara-negara di Asia Timur dan Asia Tenggara. Spekulator, mata wang Amerika George Soros dikaitkan dengan krisis matawang dan kemelesetan ekonomi Asia. Dengan krisis ini, pertumbuhan ekonomi beberapa buah negara Asia Timur terganggu dan menjadi negara-negara yang menghadapi masalah ini relatifnya lebih miskin daripada sebelumnya. Ekoran krisis ekonomi tersebut, beberapa buah negara Asia seperti Korea Selatan dan Indonesia bukan sahaja menghadapi masalah ekonomi tetapi juga melarat kepada krisis sosial dan politik yang membawa kepada ketegangan dalam negara.

Di negara-negara lain pula timbul krisis politik yang mengancam kestabilan yang mempunyai hubungan rapat dengan krisis ekonomi serta dasar-dasar penyelesaian krisis. Negara-negara seperti Korea Selatan, Thailand dan Indonesia menerima kesan yang buruk daripada krisis ini. Walaupun Malaysia tidak menerima kesan seburuk negara-negara yang disebutkan, namun Malaysia turut mendapat kesan buruk akibat perlaksanaan dasar tertentu bagi menyesuaikan dengan krisis semasa. Malah negara Jepun juga menerima kesan buruk daripada krisis ekonomi Asia dan ini boleh dikaitkan dengan hubungan ekonomi dan pelaburan yang berlaku dengan negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara.<sup>31</sup>

Manakala pihak Jepun digalakkan dan diminta menumpukan sepenuh tenaga kepada pembangunan ekonomi. Jadi perkembangan yang berlaku dalam dekad-dekad selepas Perang Dunia Kedua juga memberi kesan positif kepada perkembangan semula ekonomi Jepun yang musnah akibat perang. Perang Korea (1950-1954) dan Perang Vietnam (1964-1975) juga membawa kesan positif kepada ekonomi Jepun. Negara Jepun, Taiwan dan Korea Selatan serta rakan sekutu Amerika Syarikat yang lain banyak mendapat kesan positif hasil daripada percaturan kuasa di antara pihak Soviet dan Amerika di rantau ini.

Negara-negara ini dijadikan pusat pemasangan dan pangkalan bagi pembekalan sumber dan kelengkapan dan kelengkapan peperangan yang berlaku. Dalam tempoh masa dari penghujung tahun 1940an hingga berakhirnya Perang Dingin pada tahun 1990, Jepun

---

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm.116.

dan negara-negara kapitalis Asia Timur membangun dengan kadar yang pesat dibawah payung keselamatan, perlindungan serta sokongan yang diberikan oleh pihak Amerika Syarikat. Hampir semua negara demokrasi-kapitalis seperti Taiwan, Korea selatan, Hong kong dan negara-negara ASEAN telah berjaya bangkit daripada sebuah negara pertanian yang relatifnya miskin dalam tahun-tahun selepas perang (1950-1960an ) kepada negara yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang tinggi dalam tahun-tahun 1980an dan 1990an sehingga Bank Dunia menggelarnya sebagai ‘ keajaiban ekonomi Asia .’

Memang diakui bahawa kekuatan ekonomi sesebuah negara adalah kayu pengukur kepada kekuatan dan pengiktirafan sebagai kuasa besar dunia. Dari segi kedudukan ekonomi, negara Jepun memang diiktiraf sebagai kuasa yang mampu menjadi kuasa politik dunia. Tetapi dari apa yang berlaku, Jepun tidak diberi peluang sebagai sebuah kuasa yang memainkan peranan penting dalam politik dunia.

Di dapati bahawa Jepun adalah merupakan penyumbang kedua terbesar kepada tabung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ( PBB ) selepas Amerika Syarikat. Jumlah yang disumbangkan oleh Jepun jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan sumbangan oleh negara-negara yang menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan seperti Rusia, Great Britain, China dan Perancis. Negara Jepun berdasarkan kedudukan ekonomi dan sumbangannya kepada PBB layak menjadi anggota tetap PBB. Jepun pernah memohon menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan pada tahun 1993 tetapi tidak berjaya.

Dengan kedudukan Jepun sebagai sebuah kuasa ekonomi kedua terbesar dunia. Jepun mampu menyumbang dan boleh memainkan peranan yang lebih berkesan bagi keselamatan dunia jika diberi peluang. Namun peluang ini dihadkan oleh perlembagaan 1947 dan ketetapan yang dibentuk pihak Amerika Syarikat pada tahun-tahun selepas perang.<sup>32</sup> Jepun adalah sebuah negara kecil dan mempunyai sumber asli yang terhad. Kebangkitan dan pembangunan semula ekonomi selepas perang mempunyai hubungan rapat dengan peranan dan sumbangan mereka dan negara-negara demokrasi-kapitalis lain. Jepun tidak mempunyai bahan mentah dan sumber tenaga yang cukup. Jepun juga tidak mungkin mendapatkan sumber asli daripada tanah jajahan seperti yang berlaku sebelum pertengahan abad ini. Tanpa bahan mentah dan bekalan tenaga yang mencukupi Jepun tidak akan dapat memanfaatkan teknologinya. Ini berbeza dengan Amerika Syarikat dan Soviet Union yang lebih kaya dengan sumber-sumber alamnya. Dua buah negara ini, khususnya Amerika Syarikat mempunyai simpanan sumber asli yang banyak seperti petroleum di Texas, negeri-negeri selatan yang lain dan juga di Alaska. Jepun hanya terdiri daripada empat buah pulau utama yang sebahagian besar daripadanya bergunung-ganang. Kawasan-kawasan ini pula tidak mempunyai bekalan bahan mentah yang mencukupi bagi perkembangan industri negaranya.

Teknologi yang tinggi dan sistem pengurusan yang cekap sahaja tidak mencukupi bagi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang berterusan. Sekiranya Jepun mempunyai sumber yang banyak seperti negara-negara Asia Tenggara mungkin Jepun mampu menggunakan bagai kekuatan ekonomi dan negaranya. Dalam hal ini, Jepun perlu mempunyai hubungan yang rapat dengan negara-negara Asia Tenggara yang masih

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm.126.

mempunyai simpanan bahan mentah yang banyak dan juga pasaran barang keluaran Jepun.

Satu gambaran dan perkembangan baru yang sedang berkembang selepas berakhirnya perang dingin ialah terdapat pemimpin-pemimpin negara Asia yang tidak berkiblatkan kepada negara barat seperti sebelumnya. Sesetengah negara seperti Malaysia sejak pertengahan 1980 an lagi telah mula mengubah dasar dan hubungan luarnya dengan mula menunjukkan hubungan yang lebih erat dengan negara Jepun dengan dasar-dasar seperti ‘ dasar pandang ke Timur ’ dan ‘buy the British last ’. Negara-negara lain juga banyak menunjukkan perubahan daripada sebelumnya.

Jepun merupakan rakan perdagangan yang terpenting. Ia membekalkan kepada Malaysia lebih daripada 25 % bahan import tetapi membeli kurang dari 20% bahan eksportnya. Import Malaysia dari Jepun merangkumi pelbagai barang sedangkan Jepun hanya membeli bahan mentah.

Malaysia juga telah menggantikan singapura sebagai pusat pelaburan utama di rantau ini untuk usahasama Jepun. Ini adalah kerana negara tersebut mempunyai berbagai jenis industri yang boleh menarik pelaburan mereka khasnya industri intensif buruh yang menggunakan sumber-sumber tempatan dan teknologi tinggi. Usahawan dari Jepun menggunakan tenaga buruh dan tenaga sumber tempatan yang murah di Asia untuk menghasilkan barang yang boleh dijual di pasaran barat.

Bagaimanapun penyertaan Jepun dalam industri berat seperti dalam projek-projek Perwaja, Kereta Nasional dan Pengeluaran jentera-jentera kecil telah menyebabkan jumlah pelaburan Jepun meningkat. Melalui dasar pandang ke timur, usaha memindahkan teknologi diberi penekanan. Jepun sedar bahawa untuk mencapai kejayaan yang sepenuhnya di Malaysia, ia perlukan pekerja-pekerja yang benar-benar mahir, untuk itu ia perlu menyediakan latihan yang secukupnya bagi mereka. Pada tahun 1983, contoh pemindahan teknologi yang paling baik ialah dalam kemudahan latihan bagi para pekerja Malaysia yang disediakan oleh kerajaan Jepun dan sektor swasta. Malah ramai orang Malaysia berada di Jepun dan lebih ramai pula yang sedang dan akan dihantar ke sana untuk di tempatkan di syarikat-syarikat bagi membolehkan mereka mempelajari disiplin-disiplin dan kemahiran atau kepakaran dari tahap yang tertinggi ke tahap yang paling rendah.

Kesan era Meiji merupakan salah satu zaman yang paling gemilang dalam sejarah Jepun. Ini kerana Jepun di bawah era Meiji telah diubah kepada sebuah negara yang moden dan berkuasa. Pemerintahan Meiji telah berjaya membangunkan bidang perindustrian di samping memimpin negara tersebut ke arah imperialisme. Pencapaian terbesar era Meiji ialah proses transformasi ekonomi negara tersebut yang telah disertai oleh perkembangan perindustrian yang pesat dan juga kebangkitan kapitalisme Jepun. Perang China-Jepun dan Rusia-Jepun telah mempercepatkan proses pembangunan industri di Jepun. Malah perkembangan industri yang pesat juga telah diikuti oleh

pertumbuhan bilangan bank dan institusi-institusi kewangan seperti Bank Hypothec Jepun ( 1986 ), Bank Perindustrian Jepun ( 1900 ), Bank Taiwan ( 1899 ) dan lain-lain.<sup>33</sup>

Malah kemunculan Tokyo sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa serta kepentingan urusan bank Jepun diperingkat antarabangsa adalah satu langkah lagi dalam perkembangan ekonomi Jepun yang berterusan. Dari segi ini ia mewakili kontinum yang agak jelas daripada pertanian hingga ke perkilangan, daripada perkilangan ke perkhidmatan dan daripada perkhidmatan kepada maklumat dan pengetahuan .<sup>34</sup>

Sejak Perang Dunia Kedua, firma-firma Jepun adalah antara firma-firma yang paling berjaya dari segi inovasi. Di peringkat awal, walaupun produk baru atau komponen tertentu telah direka di negara lain. Firma-firma Jepun sering menjadi peneraju di dalam mengkormesialisasikan produk-produk baru. Apa yang dilakukan oleh firma-firma Jepun ini adalah mulanya meminjam, mengubahsuai dan seterusnya mengkormesialisasikan teknologi asing ini kepada inovasi asli mereka. Kini Jepun adalah technological leader di dalam pengeluaran berbagai produk seperti optik gentian, semiconductor, bahan-bahan komposit, peralatan-peralatan mesin serta keperluan komputer dan sebagainya.

Jika dilihat pada peranan kerajaan dalam pembangunan teknologi di Jepun ini boleh dilihat dalam dua fasa iaitu fasa catch-up atau peringkat mengimport teknologi dan fasa inovasi-sendiri ( self-innovation ) atau peringkat technological frontier. Di fasa

---

<sup>33</sup> M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, hlm.109.

<sup>34</sup> Charles J. MC Millan ( Terj.Nazlifa Md Ali ), *Perindustrian Jepun*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm.381.

catch-up, peranan ini giat dimainkan oleh kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian ( MITI ) Jepun yang bertindak sebagai pengawas kepada pembangunan teknologi asing dan juga sebagai perunding terhadap syarat-syarat perlesenan dengan firma-firma atau innovators asing. Di dalam melaksanakan peranan ini dasar-dasar yang digunakan adalah meliputi kawalan ke atas pertukaran asing terhadap pembelian lesen-lesen teknologi dan peralatan modal, kawalan ke atas pasaran modal tempatan, halangan-halangan tarif dan bukan tarif kepada pelabur asing, penggalakkan penyebaran teknologi di kalangan firma tempatan ( intra-national diffusion of technology ) dan menggalakkan penyelidikan di kalangan firma tempatan ( domestic research collaboration ) tajaan kerajaan. Di fasa self-innovation pula, penglibatan pihak kerajaan mula dikurangkan. sebaliknya firma-firma ini sendiri memainkan peranan aktif dalam menjana keupayaan inovasi mereka. Penyelidikan-penyelidikan secara usahasama walaupun menjadi kurang penting, ia masih merupakan mekanisma di dalam penyebaran dan penggunaan pengetahuan teknologi di kalangan firma-firma Jepun.

Pada fasa catch-up adalah didapati bahawa pembangunan teknologi firma-firma Jepun adalah selaras dengan dasar-dasar awam dan objektif firma itu sendiri. Pendekatan yang diambil adalah dalam dua bentuk. Pertama iaitu penggunaan strategi secara incremental dalam menganalisa ciri-ciri produk, pilihan pengguna, proses teknologi, integrasi pembuatan dan proses pembangunan. Kedua pula melalui usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan ( P&P) dalamam di mana firma sentiasa mencari peluang untuk menggunakan sains dan teknologi dalam operasi harian.

---

Firma-firma Jepun sering memberikan penekanan utama kepada tenaga kerja dan inovasi yang mana berbeza dengan pendekatan ekonomi konvensional atau neoclassical economics di mana kemahiran pekerja atau kualiti tenaga kerja, lazimnya kurang diberi penekanan. Firma-firma Jepun juga meletakkan kemahiran tenaga kerja dan seterusnya produktiviti sebagai faktor terpenting, terutama dalam usaha untuk mengekalkan tahap gunatenaga dan juga persediaan untuk menghadapi persaingan di peringkat antarabangsa. Pembentukan kemahiran-kemahiran tersebut juga berkait rapat dengan pelaksanaan program latihan sambil kerja ( on-the-job training-OJT ). OJT dilaksanakan secara meluas dan dianggap sebagai kaedah paling murah dalam meningkatkan kemahiran para pekerja berbanding dengan latihan di luar kerja ( off-the-job training ).

Manakala teknologi dapatlah kita definisikannya sebagai satu kumpulan pengetahuan meliputi teknik pengeluaran, pengetahuan dan kemahiran yang boleh mengubah input menjadi output. Pada amnya ia boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk yang berbeza. Bentuk yang pertama mengandungi item fizikal seperti peralatan mesin-mesin, alat-alat dan input modal perantaraan. Teknologi telah sedia dimasukkan ke dalam barang modal. Jenis teknologi yang kedua pula adalah didefinisikan sebagai disembodied technology merangkumi kemahiran-kemahiran dalam pengurusan, operasi dan penyenggaraan, kawalan kualiti serta pemasaran dan perkhidmatan.

Secara amnya pemindahan teknologi boleh berlaku secara langsung dan tidak langsung. Pemindahan secara langsung berlaku melalui berbagai bentuk seperti transaksi barang ( import dan eksport ), pembelian peralatan, pemindahan kilang pengeluaran, pewujudan usahasama atau subsidiari melalui pelaburan asing secara langsung dan melalui pembuatan peralatan asli. Pemindahan secara tidak langsung berlaku dalam

bentuk perjanjian-perjanjian pelesenan dan peraturan-peraturan mengenai patent dan tanda dagangan.

Sememangnya di Malaysia sendiri telah wujud pemindahan teknologi , khususnya dari Jepun bentuk disembodied atau embodied technology yang meliputi aspek-aspek kemahiran, kawalan kualiti, penggunaan peralatan modal, bekalan mesin dan sebagainya. Ia dilaksanakan melalui pelbagai mekanisma seperti pembelian terus, perjanjian pelesenan, pembelian ekuiti, aliran sumber manusia, OJT, penempatan pegawai dagang dan latihan keluar negara. Walau bagaimanapun proses pemindahan teknologi berlaku agak perlahan kerana wujud beberapa halangan. Di peringkat assimilation teknologi misalnya, Malaysia menghadapi masalah kekurangan pekerja mahir, etika kerja/sikap pekerja tempatan yang negatif, masalah bahasa dan sebagainya. Begitu juga diperingkat internalisation teknologi Malaysia didapati masih belum berupaya sepenuhnya mencipta teknologi sendiri. Ini adalah kerana negara masih menghadapi kekurangan dari segi infrastruktur teknologi, para penyelidik dan pekerja mahir serta juga intensif-intensif ekonomi.

Selain itu juga, industri multimedia dan teknologi maklumat merupakan salah satu jenis industri teknologi tinggi yang sedang dan akan menguasai kebanyakkan kegiatan ekonomi negara-negara di dunia khususnya negara maju pada masa terdekat. Industri jenis ini boleh diklasifikasikan kepada tiga iaitu pertama, industri komunikasi yang meliputi kemudahan-kemudahan perhubungan, peralatan audio/video, peralatan telefon dan telegraf, peralatan penyiaran dan perhubungan, penyiaran radio dan TV, kedua,

industri computing yang melibatkan industri peralatan komputer, semiconductor dan alat-alat berkaitan, pelbagai komponen elektronik, peralatan elektrik dan bekalan, peralatan search dan navigation, peralatan pemerosesan data dan perisian komputer. Ketiga, industri contents pula melibatkan berbagai industri seperti surat khabar, pelbagai penerbitan, pengiklanan photocopying, perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan, pembuatan filem, muzik, hiburan dan sebagainya.

Malah Malaysia sendiri tidak ketinggalan dalam menerokai industri ini. Ia terbukti melalui pengumuman untuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada 1 November 1995 oleh Y.A.B Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ia bertujuan untuk memangkinkan pembangunan industri maklumat yang seterusnya akan menjana pertumbuhan ekonomi negara. Ke arah ini, dari segi institutional support, Malaysia mungkin tidak kekurangan organisasi dalam pengurusan teknologi. Begitu juga dengan pelbagai dasar infrastruktur teknologi yang ada.

#### **4.6. ASPEK POLITIK JEPUN**

Perlembagaan Jepun telah menetapkan bahawa Maharaja sebagai simbol kedaulatan Negara Jepun. Perlembagaan Jepun 1947 telah memperakukan bahawa Maharaja Jepun diletakkan pada kedudukan yang tinggi. Perlembagaan ini turut memartabatkan Maharaja seterusnya didaulatkan oleh penduduk Jepun.

Maharaja tidak berperanan didalam menentukan hala tuju dasar-dasar pemerintahan negara. Baginda tidak mempunyai kekuasaan didalam kerajaan

sebaliknya sebarang urusan pentadbiran negara ditentukan oleh kabinet. Maharaja menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang telah digariskan oleh kabinet ataupun Diet kebangsaan Jepun. Tugas-tugas Maharaja sebagai penjaga adat istiadat dan menjalankan tugas-tugas rasmi negara. Sewaktu mengadakan lawatan-lawatan rasmi untuk negara, baginda akan diberi layanan yang sempurna seperti seorang ketua negara.

Perlembagaan Jepun 1947 secara tegas menolak sebarang unsur-unsur keganasan dan peperangan. Dasar perlembagaan 1947 jauh berbeza dengan perlembagaan imperialnya pada zaman Meiji. Perlembagaan 1947 menitik beratkan kepada hak asasi manusia dan kepentingan kehidupan yang harmoni.

Perlembagaan Jepun telah menetapkan bahawa tenteranya tidak akan terlibat didalam mana-mana peperangan ataupun misi-misi ketenteraan tertentu sama ada ia bercorak keamanan ataupun sebaliknya. Tentera-tentera Jepun tidak akan berhidmat di luar negara untuk menjalankan tugas-tugas ketenteraan ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan senjata merbahaya seperti nuklear. Hal ini bertujuan bagi memastikan negaranya tidak lagi terlibat didalam kancah peperangan. Kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh tentera Jepun hanyalah digunakan untuk mempertahankan negaranya daripada serangan musuh.

Perlembagaan Jepun 1947 mengandungi tiga prinsip utama iaitu Politik oleh rakyat, Kerjasama anatarabangsa, dan politik untuk rakyat. Perkara politik oleh rakyat yang berkaitan dengan kedaulatan rakyat terkandung diadalam Mukadimah dan perkara

1, manakala perkara Kerjasama antarabanagsa berkenaan Pasifisme terkandung didalam Mukadimah dan Perkara 9 dan Perkara Politik untuk rakyat berkenaan hormat terhadap hak asasi manusia terkandung didalam Perkara 1 sehingga 14 dan 97 dan lain-lain.

#### **4.6.1. Parti-parti Politik**

Jepun adalah terdiri daripada sistem berbilang parti. Diet dikuasai oleh parti Demokratik Liberal yang menguasai hampir separuh daripada kerusi . Parti-parti pembangkang yang aktif seperti parti Sosialis , Parti Kerajaan Bersih, Parti Sosialis Demokratik, dan Parti Komunis. Parti Demokratik Liberal memegang mandat yang lama tetapi pernah dikalahkan oleh parti campuran yang diketuai oleh Parti Sosialis.

Parti Liberal Demokratik telah ditubuhkan pada 1955 oleh dua buah parti konservatif iaitu parti Jiyuto ( Parti Liberal) dan Parti Nihon minshu ( Parti Demokratik Jepun). Parti Liberal Demokrati adalah sebuah parti yang sangat berpengaruh di dalam negara Jepun. Parti Liberal demokratik telah mengariskan beberapa prinsip asas ideologi mereka iaitu parti untuk rakyat, parti untuk keamanan negara, parti yang mengamalkan sistem demokratik, memberi sokongan terhadap pemerintahan berparlimen, merupakan sebuah parti progresif, dan parti yang melaksanakan kesejahteraan negara.<sup>35</sup>

---

<sup>35</sup> W.Burks Ardath, *Japan Profile of a Postindustrial Power*, New York : West Press, 1981, hlm.134

Parti shakai to ( Parti Sosialis Jepun) adalah sebuah parti ceraian daripada parti komunis. Parti Sosialis Jepun adalah sebuah parti tradisional. Parti Sosialis adalah diantara parti yang berjaya pada era pra-peperangan. Namun begitu, ia tidak diterima masyarakat Jepun kemudiannya. Parti Kerajaan Bersih ( Komeito) adalah sebuah parti masih muda didalam politik Jepun. Parti ini ditubuhkan pada 1964.

Keputusan pilihanraya pada tahun 1967 sehingga tahun 1979 . Parti Liberal Demokratik pada tahun 1967 telah memenagi 277 buah kerusi dan menguasai 57 peratus. Manakala pada tahun 1969 ia berjaya memenangi 288 buah kerusi, pada tahun 1972 ia mendapat 271 buah kerusi, pada tahun 1976 ia memenangi 249 buah kerusi dan pada tahun 1979 ia mendapat 248 buah kerusi.<sup>36</sup>

Parti Liberal Demokratik mempunyai dana keewangan yang besar hasil daripada sumbangan individu-individu persendirian, syarikat-syarikat dan persatuan-persatuan. Hal ini telah menyebabkan berlakunya pemilihan tertentu didalam memperolehi konsesi tertentu di dalam kerajaan. Perkara ini menyebabkan politik wang berluas-luasa di Jepun sehinggakan sukar untuk di bendung. Walaupun terdapat undang-undang yang mencegah perbuatan rasuah namun begitu perbuatan ini masih berlaku. Politik wang ini terus menular dikalangan ahli politik Jepun.

Persatuan-persatuan turut berperanan didalam mencorak-acukan arus politik Jepun Antara Persatuan-persatuan yang dominan terhadap politik di Jepun iaitu

Persatuan Perubatan Jepun, Persatuan Jepun untuk keluarga mangsa perang, Persatuan Majlis Kebangsaan Koperasi Pertanian, Persatuan Persekutuan Organisasi Ekonomi, Persekutuan Persatuan Majikan Jepun, Jawatankuasa Jepun untuk Pembangunan Ekonomi, dan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun. Persatuana-persatuan ini terus berpengaruh terhadap politik Jepun. Sehingga mempunyai pengaruh yang sangat kuat terhadap parti-parti pembangkang dan kerajaan.

Sistem politik Jepun turut dipengaruhi oleh ahli birokrat. Terlalu jarang berlaku penggubalan undang-undang oleh ahli dewan. Perkhidmatan awam menjadi begitu berpengaruh didalam pengubalan undang-undang, sehingga ramai diantara para pegawai kerajaan terpilih untuk menganggotai Diet.

Politik berpuak-puak masih berlaku dikalangan masyarakat Jepun. Parti Konservatif yang mengamalkan fahaman berpuak-puak ini sehingga menular di kalangan kerajaan tempatan. Pengaruh berpuak-puak yang diamalkan oleh parti Konsevatif telah menyebabkan pemudahan kawalan parti pemerintah terhadap kerajaan tempatan. Dasar berpuak ini memberi kesan terhadap perlaksanaan keputusan kerajaan pusat.

#### **4.6.2. Pilihanraya**

Rakyat yang berumur dua puluh tahun dan keatas layak untuk mengundi semasa proses pilihan raya. Pilihanraya ini menentukan pemilihan terhadap ahli-ahli Diet Kebangsaan, gabenor, datuk Bandar kawasan, wilayah, bandar raya, dan ahli

---

<sup>36</sup> *Ibid.*, hlm. 161.

perhimpunan. Mereka ini dipilih melalui proses pengundian . Manakala rakyat yang berumur dua puluh lima tahun layak untuk menjadi calon. Manakala untuk pencalonan bagi gabenor TO, DO, Fu dan wilayah dan Dewan Undangan Negeri Diet kebangsaan mestilah berumur tiga puluh tahun dan keatas.

Proses kempen pilihanraya dikawal dibawah undang-undang Pilihanraya Jawatan Kerajaan. Undang-undang ini mengawal setiap pengedaran surat-surat sebaran, poster dan mlarang penggunaan wang didalam kempen pilihanraya. Akta Kerajaan Wang untuk berpolitik turut diperkenalkan bagi membendung politik wang dikalangan pimpinan Jepun. Namun begitu, politik wang telah menjadi perkara yang lumrah di Jepun dan ia berlaku secara sewenang-wenangnya.

Pemilihan seseorang calon dibuat berdasarkan bakat kepimpinan dan ketokohan. Fahaman politik dan ideologi calon tidak mempengaruhi pemilihan pengundi. Hal ini menyebabkan keputusan sesuatu pilihanraya dipengaruhi oleh calon-calon yang dipertandingkan . Orang Jepun secara am tidak memandang serius terhadap situasi politik mereka. Ini kerana media massa yang berperanan menyebarkan isu-isu dengan pelbagai perkara . Rakyat secara keseluruhannya berpuas hati terhadap pemerintahan kerajaan dan terlalu kurang berlakunya keganasan oleh golongan pelampau. Hal ini telah menyebabkan parti yang bercorak radikal dan kenservatif merubah teknik-teknik propaganda mereka untuk menarik sokongan rakyat.

## **4.7. ASPEK SOSIAL**

Jepun dapat dilihat di dalam komuniti sejagat yang memainkan peranannya yang sesuai dan memberikan sumbangannya kepada dunia semasa Jepun memasuki abad ke-21 kerana ekonominya pasti akan mencapai kedudukan dan pertumbuhan yang semakin bermakna dan penting. Dengan ini, masyarakat Jepun berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat ini. Matlamat ini bergantung kepada kemampuan orang Jepun melaksanakan tugas dan memastikan agar negaranya memainkan peranannya dengan jaya dan memberikan sumbangan yang memuaskan.<sup>37</sup>

Kini Jepun memperlihatkan arus inovasi teknologi membawa perubahan besar kepada masyarakat perindustrian. Di samping itu, saling pergantungan Jepun dengan dunia luar menjadi semakin teguh. Peralihan dalam politik ekonomi dan sosial merupakan perubahan-perubahan yang berlaku akibat perhubungan awal Jepun dengan Barat. Perubahan dasar luar yang paling ketara pada zaman Meiji ialah mengadakan hubungan dengan negara-negara asing terutama barat dan menerima perwakilan-perwakilan asing.<sup>38</sup> Ini seterusnya memperlihatkan secara langsung signifikasi, globalisasi, dan kepimpinan Jepun kepada negara-negara lain. Ini menjadikan Jepun sebuah negara yang “penuh makna” atau dalam erti kata lain mempunyai kepentingan dalam dunia globalisasi.

---

<sup>37</sup> Yusuke Murakami, *Jepun Dalam Komuniti Sejagat Peranannya dan Sumbanganan Abad Ke-21*, Kuala Lumpur : Yayasan Penataran Ilmu, 1998, hlm.198.

<sup>38</sup> G.C. Allen (terj.Sulung Muhammad), *Ekonomi Negara Jepun*, hlm.1.

Globalisasi pada hari ini dilihat dengan meluas kerana fenomena ini menjadikan dunia kelihatan mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Jepun mempunyai perkaitan yang erat dalam arus globalisasi ini. Ini dapat dilihat melalui sosial masyarakat Jepun seperti agama, budaya kerja, pendidikan, sukan, makanan dan sebagainya.

### **a) Agama dan Kepercayaan**

Terdapat pelbagai agama yang wujud di Jepun, agama yang terpenting adalah Shinto iaitu agama asal atau purba yang telah wujud sejak 2000 tahun dahulu. Buddhisme dan konfusianisme juga banyak mempengaruhi kerohanian dan kehidupan sosial orang Jepun sejak abad ke-6 lagi. Manakala Kristian memberi impak ke atas budaya dan intelektual sejak ia diperkenalkan pada 1549 dan kembali semula pada abad ke-19. Kehidupan tradisi, pertemuan dan interaksi serta saling mempengaruhi antara satu sama lain telah bergabung dan membentuk budaya Jepun. Asal usul Shinto atau kami-no-michi ( The way of the Gods ) dianggap misteri kerana kewujudannya sejak permulaan tamadun Jepun lagi. Pandangan semesta Shinto adalah sama sebahagian dengan pandangannya terhadap manusia iaitu manusia itu adalah baik dan tidak ada istilah dosa di dalam kehidupan. Shinto telah meletakkan dunia sebagai tumpuan utama tetapi tidak menafikan tentang kewujudan dunia lain.

Pada zaman purba iaitu sehingga 550 M, tidak terdapat agama sebagai sebuah institusi. Apa yang wujud ketika itu adalah himpunan lagenda-lagenda diperturunkan dari

mulut ke mulut iaitu tentang asal usul pembentukan Jepun dan Maharaja iaitu sebagai Tuhan. Shinto adalah gabungan ‘Shan’ dan ‘tao’ yang bermaksud ‘cara dewa-dewa’ yang mempunyai pengaruh yang besar dan kuat dikalangan petani-petani masyarakat Yayoi adalah dikatakan lahir dari budaya padi. Tuhan-tuhan Shinto dipanggil ‘Kami’ dan suatu perasaan kehairanan terhadap Shinto juga diistilahkan sebagai ‘Kami’.<sup>39</sup>

Pengaruh tamadun China yang mula menular ke Jepun turut terangkum pengaruh agama Buddha. Pada zaman Nara, agama telah dijadikan sebagai agama rasmi negara yang telah diperkenalkan oleh Putera Mahkota Shotoku, mangkat pada tahun 622M.<sup>40</sup> Secara beransur-ansur, agama ini telah mula mempengaruhi segala aspek kehidupan masyarakat Jepun ketika itu bukan sahaja dari segi kebudayaan, kesenian dan pendidikan tetapi juga telah menukar sikap masyarakat Jepun sendiri. Selain itu, di Jepun juga ajaran confucious telah meresapi kehidupan segelintir golongan samurai melalui pendidikan sastera klasik unik. Tetapi pengaruh susila atau pandangan alam confucious jarang kelihatan dikalangan orang bandar dan hampir tidak wujud sama sekali dikalangan petani.

Titik permulaan kepada kemasukan kuasa asing ke Jepun menandakan masuknya agama Kristian ke Jepun. Pada mulanya ramai yang menerima agama tersebut tetapi lama kelamaan agama Kristian mendapat tentangan daripada pembesar Jepun kerana ianya dianggap bercanggah dengan fahaman Buddha dan ajaran adat istiadat Shinto Jepun. Jepun bukan masyarakat monoteistik dan berfikiran luas terhadap agama. Agama asli Jepun, Shinto, tidak pernah menjadi agama yang eksklusif atau tidak bertoleransi.

<sup>39</sup> Richard Storry, *Sejarah Jepun Modern*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1980, hlm.2.

<sup>40</sup> H. Paul Warley, *Japanese Culture : A Short History*, Tokyo : Charles E.Tuttle Company, 1983, hlm.17.

Pengenalan agama Buddha, confusianisme dan Kristian pada kurun ke-17 tidak <sup>41</sup> mengakibatkan banyak pengeseran.<sup>42</sup>

Kepelbagaian dan keadaan yang kompleks agama-agama Jepun berkaitan kecenderungan untuk berasimilasi didalam budaya Jepun. Jika dilihat dari segi sejarah, Jepun menerima pelbagai kerohanian mereka. Penerimaan idea-idea baru ini tidak menghapuskan kepercayaan asal orang Jepun tetapi ia bercampur dan bergaul (blended) di dalam tradisi-tradisi asal yang mana ia kemudiannya dipanggil “Agama Orang Jepun” yang tetap berterusan dan harmoni. Keadaan inilah yang telah meletakkan Jepun hebat dari segi signifikasi, globalisasi dan kepimpinan.

Selain itu, agama turut memberikan sumbangan dalam aspek politik. Perlembagaan Meiji yang diisyiharkan pada 11 Februari 1889 menubuhkan badan-badan legislatif, perundangan dan eksekusif akhirnya menubuhkan kabinet-kabinet menteri negara. Di dalam perlembagaan di nyatakan bahawa maharaja adalah ketua empayar yang “suci dan tidak boleh ditentang”. Dengan ini ia dikaitkan dengan ciri-ciri ketuhanan. Sebagai pemimpin negara yang mempunyai kuasa melebihi kerajaan dan kuasa ketenteraan ia juga bertindak sebagai ketua bangsa dan memegang kuasa agama. Lanjutan daripada ini, etika Bushido (way of warrior) yang muncul semasa Tokugawa dan pada zaman moden pula adalah etika kebangsaan yang membentuk nilai-nilai utama orang Jepun.

---

<sup>41</sup> Gen Itasaka (terj.Nazlifa Md Ali), *Pintu Masuk Ke Jepun: Penduduk Dan Masyarakatnya*, hlm.172.

<sup>42</sup> *Ibid.*, hlm.173.

Agama turut memberi sumbangan dari sudut ekonomi melalui sifat rajin dan ekonomi yang terkandung didalam Bushido untuk mendapatkan keseimbangan dan kestabilan. Masyarakat Jepun bukanlah masyarakat monoteistik dan berfikiran luas terhadap agama. Adat menjadi sebahagian daripada kehidupan orang Jepun walaupun ia berdasarkan agama yang berbeza dan diamalkan tanpa separang perasaan atau tidak konsisten.

### **b) Pendidikan**

Budaya Jepun amat rapat kaitannya dengan pembentukan bangsa Jepun kerana budaya merupakan suatu identiti yang menjadi lambang kepada bangsa itu sendiri.<sup>43</sup> Dalam melihat pendidikan Jepun perkaitannya dengan globalisasi amat luas. Pendidikan Jepun merupakan satu ciri yang membezakan Jepun daripada kebanyakkan negara lain yang mempunyai cita-cita bagi mencapai kemajuan ekonomi pada tempoh awal dalam tempoh perkembangan industri moden ialah sikap mereka terhadap pendidikan.<sup>44</sup>

Pendidikan melalui pembelajaran telah lama dihormati di Jepun. Ini dapat dilihat menjelangnya pengembalian semula Meiji dimana pelbagai jenis sekolah telah ditubuhkan. Pegawai kerajaan dilatih di Maktab khusus di Yedo, samurai diasuh dengan nilai-nilai klasik Confucian di sekolah-sekolah yang didirikan oleh daimyo dan ramai rakyat biasa belajar di ‘sekolah kuil’ yang dipanggil ‘terakoya’.<sup>45</sup> Pendidikan di sekolah

---

<sup>43</sup> Eiichiro Ishida(terj. Mokhtar Ahmad), *Budaya Jepun : Kajian Tentang Asal Usul Dan Ciri*, Selangor: Pustaka Cipta Sdn.Bhd., 1986, hlm.72.

<sup>44</sup> Gen Itasaka (terj.Nazlifa Md Ali), *Pintu Masuk Ke Jepun: Penduduk Dan Masyarakatnya*, hlm.190.

<sup>45</sup> *Ibid.*

Jepun menitikberatkan pelajaran yang berorientasikan tradisi. Namundermikian, pada masa sekarang pendidikan moden yang dibawa oleh barat telah diterima oleh Jepun.

Dalam sistem pendidikan Jepun yang bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi telah memberi penekanan yang jelas tentang pentingnya pelajaran. Kanak-kanak atau pelajar-pelajar ini dihantar ke sekolah rendah dimana di sekolah tersebut mereka akan diajar membaca, menulis dan mengira. Para pelatih di rumah-rumah perniagaan juga diberi lathan dalam seni simpanan kira-kira.

Pada pertengahan abad ke-19, kira-kira 40 hingga 50 peratus lelaki dan 15 peratus perempuan menerima sedikit sebanyak pendidikan formal. Ini menunjukkan satu kadar yang tinggi berdasarkan piawaian antarabangsa ketika itu. Kadar celik huruf dikalangan masyarakat Jepun adalah tinggi dan meluas berserta dengan penyebaran pengetahuan baru menguntungkan Jepun dalam zaman barunya.

Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan Jepun ketika pemerintahan Meiji telah membawa pembaharuan dan perkembangan pelajaran Jepun. Pada tahun 1871, Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajaran dan pendidikan. Sistem pendidikan moden ini telah diwujukkan di Jepun selepas pemulihan Meiji dan tradisi pendidikan wajib serta pendidikan tinggi dibentuk dalam tahun-tahun seterusnya.<sup>46</sup> Pada mulanya sistem pelajaran Jepun adalah mengikut sistem di Perancis tetapi kemudiannya ditukar kepada

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

ssitem pelajaran di Amerika Syarikat. Dimana pada tahun 1872 dapat dilihat satu undang-undang telah diadakan yang mewajibkan kanak-kanak daripada semua lapisan yang berumur enam tahun diberi pelajaran rendah selama empat tahun.<sup>47</sup>

Dalam pendidikan kanak-kanak ini memperlihatkan kesantunandan budaya masyarakat Jepun dalam mendidik anak-anak mereka. Kanak-kanak ini dididik supaya taat setia dan tidak berbelah bahagi kepada maharaja dan bangsa dan negara yang dikenali sebagai “kokutai”. Di samping itu, kanak-kanak diberikan latihan membentuk akhlak dan latihan akal. Pendidikan wajib ini dibahagikan kepada enam tahun sekolah rendah dan tiga tahun sekolah menengah rendah dan diikuti oleh pendidikan tinggi yang tidak wajib terdiri daripada tiga tahun sekolah menengah tinggi, empat tahun pengajian ijazah pertama dan pengajian lepas ijazah.<sup>48</sup>

Selain kursus ijazah universiti selama empat tahun terdapat kursus ijazah perggian dan perubatan selama enam tahun, kursus selam dua tahun di kolej pendidikan tinggi dan kursus lima tahun di kolej teknik. Dari segi, signifikasi dan globalisasi, Jepun pada hari ini dapat dilihat terdapatnya 460 universiti, 543 kolej rendah dan 62 sekolah teknik tinggi yang wujud di Jepun. Bilangan pelajar yang mendaftar di institusi pengajian tinggi ialah 2.2 juta orang. Dikebanyakannya universiti, dua tahun pertama terdiri daripada pengajian am dan dua tahun terakhir terdiri daripada pengajian khusus. Contohnya,

---

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> *Ibid.*

undang-undang, pengurusan dan kursus-kursus lain yang diajar diperingkat ijazah dan bukan di sekolah lepas ijazah.

Kursus lepas ijazah dibahagikan pula kepada kursus Ijazah Sarjana dan Kursus Kedoktoran. Kebanyakkan siswazah kursus ijazah empat tahun yang tamat belajar lebih cenderung mencari kerja sebagai kakitangan kerajaan, pekerja syarikat atau guru sekolah.<sup>49</sup> Wujudnya persaingan terus dalam sistem pendidikan sekolah Jepun sejak bermula persekolahan di peringkat tadika. Rekod akademik sangat dipentingkan dan hampir tiada diskriminasi berdasarkan kelas atau kekayaan keluarga. Ini dapat dilihat calon yang gagal dalam percubaan pertama untuk memasuki universiti mereka selalunya menghadiri sekolah persediaan khas selama satu atau dua tahun sehingga mereka lulus peperiksaan tersebut. Sekolah persediaan yang mempunyai rekod baik meluluskan pelajar dalam peperiksaan persediaan memang mempunyai ramai pemohon dan pemeriksaan kemasukan menjadi sangat sukar.

Dalam melihat perkembangan pendidikan di Jepun ini juga perlu ditekankan tokoh yang memainkan peranan penting dalam pelajaran iaitu Moari Arinori yang merupakan seorang bekas samurai dari suku kaum Satsuma dan juga bekas Menteri Jepun ke Washington.<sup>50</sup> Beliau juga telah dibantu oleh Dr. David Murray yang berbangsa Amerika yang menjadi penasihat kepada Kementerian Pelajaran. Dalam sistem pelajaran,

---

<sup>49</sup> *Ibid.*, hlm.191.

<sup>50</sup> Tadashi Fukutake (terj.Mukhtar Ahmad), *Masyarakat Luarbandar Di Jepun*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1985, hlm.98.

matapelajaran Sains dan Teknik kebanyakannya buku-buku yang bermutu dalam bidang tersebut termasuk sejarah dan politik telah diterjemah ke dalam bahasa Jepun.<sup>51</sup>

Selain itu, ramai tenaga pengajar, golongan professional dan ahli akademik dari luar negeri diambil berkhidmat di Jepun sejak tahun 1817. selain daripada Jerman, beberapa profedor dari Britain dan Amerika Syarikat telah diambil. Antara professor yang terkenal ialah F.S. Morse daripada Universiti Harvard (1877) dan Ernest Fenollose daripada Universiti Boston (1878). Kerajaan Jepun juga telah menghantar ramai pelajar dan pemuda ke Eropah untuk menuntut pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Seramai kira-kira 54 orang pelajar telah berangkat ke Britain untuk mempelajari aspek angkatan laut dan perkapalan perdagangan pada tahun 1871. mereka juga dihantar ke Jerman untuk mempelajari aspek tentera darat dan ilmu perubatan. Malah, ada juga yang dihantar ke Amerika Syarikat untuk mempelajari aspek perdagangan ekonomi.<sup>52</sup>

Peminpin-pemimpin Jepun sedar bahawa Jepun tidak boleh semuanya mengharapkan negara-negara Barat untuk melanjutkan pelajaran. Oleh kerana itu, Jepun perlu mendirikan pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri. Hasilnya pada tahun 1871, universiti pertama didirikan diberi nama Universiti Diraja Tokyo. Pada tahun yang sama juga didirikan Maktab Rendah Teknik (Junior Technical College) yang bertujuan untuk melahirkan pekerja-pekerja mahir. Terdapat juga universiti swasta seperti Universiti Waseda yang diasaskan oleh Okuma Shigenoba pada tahun 1882 dan Universiti Keio

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, hlm.99.

<sup>52</sup> Eiichiro Ishida (terj.Mukhtar Ahmad), *Budaya Jepun: Kajian Tentang Asal Usul Dan Ciri*, hlm.97.

yang diasaskan oleh Fukuzawa Yukichi. Dengan terdirinya universiti-universiti dan sekolah-sekolah teknik ini telah banyak mencorakan pemikiran Jepun moden.

### c) Budaya Kerja

Perubahan bentuk masyarakat Jepun dan sistem pengurusan dunia mempunyai saling pergantungan yang kian erat dan terus berlaku dengan pesatnya. Budaya Jepun seringkali dilihat sebagai mempunayai ciri-ciri yang tersendiri sehingga menyebabkan proses pengantarabangsaan amat bermasalah untuk dilaksanakan. Walaubagaimanapun, nilai-nilai universal dalam budaya Jepun dapat dilihat dan nilai ini boleh dijadikan suatu titik permulaan untuk menghubungi jurang budaya serta menghubungkan negara-negara lain untuk memahami Jepun.<sup>53</sup> Budaya ini terdiri daripada gabungan berbagai-bagai faktor termasuk faktor yang khusus iaitu yang terhasil daripada penyatuan yang unik diantara warisan etnik dan alam. Namun, budaya Jepun juga menerima ciri-ciri budaya lain dan ini memudahkan interaksi antara negara-negara lain untuk memahami masyarakat Jepun.<sup>54</sup>

Budaya kerja merupakan salah satu budaya masyarakat Jepun yang secara langsung melihat Jepun dari segi signifikasi, globalisasi dan kepimpinan. Jika dilihat pada hari ini, negara Jepun telah menjadi negara penting dari segi singifikasinya dan contoh terbaik dalam melaksanakan perkerjaan. Ini dapat dilihat melalui budaya kerja masyarakat Jepun yang mementingkan masa, cekap dan berdisiplin. Malah, budaya kerja

---

<sup>53</sup> Yusuke Murakami, *Jepun Dalam Komuniti Sejagat, Peranan Dan Sumbangan Pada Abad Ke-21*, hlm.20.

Jepun telah menjadikan negara lain seperti Malaysia mengambil nilai-nilai positif sehingga terlaksananya “Dasar Pandang Ke Timur” yang merujuk kepada masyarakat Jepun yang rajin, cekap dan berdisiplin dalam melaksanakan kerja. Secara tidak langsung dalam dunia globalisasi Jepun telah menjadi “role model” kepada negara-negara lain.

Apa yang jelas dalam melihat budaya kerja masyarakat Jepun dapat dilihat melalui sifat kerajinan yang merupakan satu-satunya kunci kejayaan. Sesebuah negara akan majunya sekiranya rakyat negara itu rajin, berdisiplin dan cekap. Justeru itu, tidak dapat dinafikan Jepun mempunyai masyarakat yang rajin, berdisiplin dan cekap. Hal ini bukan sahaja menguntungkan diri individu itu sendiri tetapi bangsa dan negaranya.<sup>55</sup> Secara tidak langsung kerajinan, disiplin dan kecekapan itu dapat meningkatkan pengeluaran negara dan sifat itu jugalah yang membawa pembangunan ekonomi negara Jepun. Hasil daripada nilai-nilai kerjasama dan perpaduan dapat membantu dasar modenisasinya sehingga ia menjadi tenaga pengerak industrialisasi Jepun.<sup>56</sup>

Selain itu, budaya kerja masyarakat Jepun juga dapat dilihat dari sudut globalisasinya apabila adanya pandangan susila bangsa dunia yang berbeza-beza itu sendiri.<sup>57</sup> Walaupun, pengiktirafan terhadap keanekaan tatasusila mungkin memakan masa yang lama tetapi kejayaan Jepun dalam konsep pengantarabangsaannya sangat bergantung kepada nilai dan budaya kerja itu sendiri. Jika dilihat pada tahun awal pemodenan, kerajaan Jepun memperkenalkan institusi dan perkhidmatan yang biasanya

---

<sup>54</sup> *Ibid.*, hlm.21.

<sup>55</sup> Jomo K.S (terj. Rosli Omar), *Suria Terbenam Jua Ajaran Pandang Ke Timur*, Kuala Lumpur: Insan, 1992, hlm.283.

<sup>56</sup> *Ibid.*, hlm.284.

perlu ada bagi sesebuah negara moden seperti sistem pentadbiran, perkhidmatan bank, pos dan telegraf, jalan keretapi dan kapal perdagangan.<sup>58</sup> Dari sinilah, wujudnya etika tatasusila yang mengiktiraf budaya kerja masyarakat Jepun.

Budaya kerja masyarakat Jepun juga dapat dilihat dari aspek yang penting iaitu sikap para pekerja Jepun terhadap pekerjaan ialah rasa pencapaian atau “accomplishment”.<sup>59</sup> Perasaan ini lahir dari pekerjaan yang sempurna, dan kegembiraan akan kejayaan. Namun, Jepun menjadi begitu unggul hakikatnya kerana perasaan ini bukannya datang dari individu tetapi pengalaman kumpulan. Rasa pencapaian kumpulan ini menjadi inti pati kepada semangat kumpulan yang sering dianggap sebagai satu ciri Jepun. Dengan itu, tidak dapat dinafikan budaya kerja masyarakat Jepun yang mencapai kejayaan kebanyakannya melalui kegiatan kumpulan.<sup>59</sup> Ini kerana setiap pekerja akan melibatkan diri dan mereka akan menikmati perasaan bahawa mereka sedang memberikan suatu sumbangan yang penting. Lantaran itu, budaya kerja melalui pencapaian kumpulan telah menjadi teras dalam melihat Jepun dari sudut globalisasi.

Seterusnya, budaya kerja ini juga boleh dilihat melalui kepimpinan dimana faktor ini merupakan faktor yang lebih penting daripada faktor kerajinan bagi mencapai kejayaan Jepun seperti kebanyakan masyarakat dunia. Kepimpinan amat diperlukan dalam usaha mencapai perubahan yang besar dan perubahan yang dilakukan tanpa perlunya pergantungan kepada bantuan luar. Salah satu sebab kepimpinan yang menjurus

---

<sup>57</sup> Yusuke Mirokami, *Jepun Dalam Komuniti Sejagat, Peranan Dan Sumbangan Pada Abad Ke-21*, hlm.22.

<sup>58</sup> G.C Allen (terj.Sulung Muhammad), *Ekonomi Negara Jepun*, hlm.6.

<sup>59</sup> Masanori Moritani, *Teknologi Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1985, hlm.97.

kepada budaya kerja itu sendiri dapat dilihat melalui peranan kelas pemerintah di bawah Meiji.<sup>60</sup> Dalam pemerintahan Jepun pada abad ke-19 telah menyedari kepentingan modenisasi. Dengan itu, Meiji dan pegawai-pegawaiannya sendiri telah mengepalai usaha menimba pengetahuan baru tentang industri, perdagangan, pentadbiran dan pendidikan.

Selain itu, mereka telah membangunkan sumber tenaga manusia sendiri dengan menggunakan teknologi dan pengetahuan asing yang sesuai tanpa pelaburan asing, bantuan asing dan nasihat asing.<sup>61</sup> Justeru itu, kepimpinan yang amat kuat ini telah menjadikan Jepun negara yang maju dari segi organisasi, industri dan ekonominya sendiri. Keupayaan Jepun untuk menjadi “*gergasi industri*” bukanlah semata-mata disebabkan oleh etika kerja tetapi semuanya berperanan baik dari segi organisasi dan pentadbiran untuk membina budaya kerja yang unik.

---

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Jomo K.S (terj.Rosli Omar), *Suria Terbenam Jua Ajaran Pandang Ke Timur*, hlm.284.

<sup>61</sup> *Ibid.*, hlm. 285.